



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KOLABORASI STRATEGIK KPWK M DAN JABATAN PENJARA MALAYSIA BUKTI KOMITMEN KERAJAAN TIDAK PINGGIR BANDUAN

KAJANG, 13 JULAI – YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah membuat lawatan ke Penjara Wanita, Kajang. Lawatan julung kali ini diadakan bertujuan untuk terus memperkukuh kerjasama strategik antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK M) dan Jabatan Penjara Malaysia selain menyantuni banduan wanita.

KPWKM menyambut baik usahasama yang terjalin dan komited membantu banduan yang telah bebas untuk kembali ke pangkuan masyarakat selain kekal sejahtera dalam sokongan komuniti. Pelbagai program perkhidmatan sokongan sosial disediakan oleh KPWK M menerusi perkhidmatan dan program sokongan psikososial serta program pemerkasaan kepada semua lapisan masyarakat tanpa meminggirkan kumpulan rentan termasuk keluarga banduan atau banduan yang telah bebas.

Antara perkhidmatan sokongan sosial yang ditawarkan oleh KPWK M adalah seperti Skim Bantuan Kewangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), diberikan kepada golongan yang berkeperluan dan layak berdasarkan kriteria dan syarat yang ditetapkan. Bantuan ini termasuklah bagi pesalah atau banduan serta ahli keluarga dan tanggungan banduan. Berdasarkan statistik JKM, **sehingga Disember 2022 seramai 969 tanggungan banduan telah dibantu** yang melibatkan peruntukan sebanyak **RM5,429,500.00**.

Bagi membantu banduan berkeperluan khas seperti Orang Kurang Upaya (OKU) dan warga emas, JKM sememangnya telah menyediakan program sokongan dan perlindungan kepada yang memerlukan termasuklah pesalah atau bekas banduan. JKM turut melaksanakan program pemulihan dan bimbingan berterusan melalui sesi runding cara yang melibatkan isu psikososial kepada pesalah, banduan, bekas banduan serta ahli keluarga mereka. Walau bagaimanapun ianya hanya melibatkan kes sukarela dan bukan kes rujukan.

Kementerian akan terus memperkasa peranan agensi dan NGO di bawah KPWKM sebagai Agen Pemulihan melalui aktiviti bimbingan kepada banduan yang sedang menjalani hukuman penjara dan persediaan bagi pengintegrasian semula ke dalam masyarakat dengan bantuan dan kerjasama oleh pegawai kader JKM yang ditempatkan di penjara. JKM akan membantu dari segi penglibatan kaunselor dan bentuk perkhidmatan yang lain dalam menangani krisis dan isu-isu berkaitan keluarga penerima bantuan kebajikan kategori tanggungan banduan sebagaimana penerima bantuan kewangan yang lain.

KPWKM akan terus komited untuk memperkasa kesejahteraan golongan banduan khususnya wanita bagi mempersiapkan mereka untuk kembali ke dalam komuniti dan diberi peluang kedua untuk memulakan kehidupan demi kelangsungan hidup dalam kelompok masyarakat.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & MASYARAKAT
13 JULAI 2023**

MAKLUMAT TAMBAHAN

- a) Antara inisiatif KPWKM yang boleh disertai oleh bekas banduan wanita atau keluarga banduan dalam kalangan wanita melalui Program Pemerkasaan Wanita dibawah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) adalah seperti:
- i. Wanita dan Ekonomi;
 - ii. Wanita Selamat;
 - iii. Wanita Sejahtera;
 - iv. Wanita dan Kepimpinan.
- b) Inisiatif KPWKM yang dikendalikan oleh Yayasan Kebajikan Negara (YKN) adalah seperti:
- i. Program Mykasih Kapital@Wanita Bangkit turut memberi manfaat melalui bantuan berbentuk keusahawanan sosial dan kebajikan produktif. Pemberian insentif melalui bantuan asas modal perniagaan ini diberikan secara *one-off* sebanyak RM500.00 sebagai usaha permulaan untuk menggalakkan wanita berniaga disamping merupakan program pembangunan sendiri bagi membantu wanita menjana semula ekonomi keluarga melalui perniagaan menggunakan platform e-dagang atau *dropship* yang memerlukan modal niaga yang kecil;
 - ii. Program Anjung Singgah merupakan sebuah pusat khidmat bantuan sosial dan intervensi yang diwujudkan bertujuan membantu golongan gelandangan yang produktif. Banduan boleh menikmati faedahnya dengan mendapatkan penempatan sementara jika mereka tiada tempat berteduh sebaik sahaja keluar dari penjara. Perkhidmatan yang disediakan adalah meliputi tempat penginapan sementara, makan minum, saringan awal kesihatan, program intervensi kaunseling dan motivasi, pusat rujukan bantuan sosial serta bantuan mendapatkan pekerjaan melalui kerjasama agensi-agensi kerajaan serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkaitan;

- iii. Perkhidmatan Psikososial kepada mereka yang memerlukan kaunseling melalui Perkhidmatan Sokongan Sosial Setempat (PSSS) yang ditawarkan secara holistik dan secara mobile daripada kaunselor berdaftar.
- c) KPWKM turut menawarkan inisiatif bagi perkhidmatan kesihatan reproduktif melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang boleh disertai oleh bekas banduan wanita atau keluarga banduan dalam kalangan wanita antaranya seperti:
- i. Program Subsidi Ujian Mamogram yang merupakan kaedah saringan kanser payudara dan memberi manfaat kepada lebih ramai wanita terutama dalam kalangan B40 di kawasan luar bandar;
 - ii. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM 3.6 juta di bawah Dasar Bajet 2019 kepada LPPKN untuk menjalankan Program Rintis Saringan Kanser Serviks (Ujian HPV DNA) bagi khusus untuk wanita;
 - iii. Penyediaan perkhidmatan Perancang Keluarga dalam Program Pembangunan Sosial adalah untuk memberi peluang kepada peningkatan kehidupan keluarga serta taraf sosio-ekonomi wanita. Perkhidmatan ini adalah berdasarkan kepada aspek kesihatan keluarga dan amalannya adalah secara sukarela;
 - iv. Program Wanita Bangkit@MAMACARE merupakan satu TINDAKAN INTERVENSI pihak Kementerian untuk membantu wanita, khususnya ibu tunggal bagi meneruskan kelangsungan hidup melalui program keusahawanan bagi menjana pendapatan melalui Pensijilan Pengajian Diploma Kemahiran Malaysia Tahap 4 (DKM4): Penjagaan Ibu Selepas Bersalin Mamacare.
